



KENYATAAN MEDIA YAYASAN MyAQSA (MENGUTUK PEMBUNUHAN RAKYAT PALESTIN DI MALAYSIA)



1. Yayasan MyAQSA (MyAQSA) mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan kejam ke atas seorang ilmuan yang soleh dimana hidupnya sentiasa berbakti kepada ummah dan Islam. Beliau telah dibunuh secara terancang, dipercayai oleh ejen asing yang memusuhi perjuangan pembebasan Palestin. Tidak mustahil insiden seperti ini mempunyai kaitan dengan Mossad dan sekutunya. Kami berharap agar pihak berkuasa tiada memandang rendah hal ini dan yakin pihak berkuasa akan berusaha keras menjejaki pembunuh dan sekutunya.
2. Pembunuhan terancang ini amat jelas menunjukkan bahawa Malaysia sentiasa terdedah dengan serangan ejen-ejen musuh dan sekutunya. Persidangan Meja Bulat MyAQSA yang menyaksikan seramai lebih 100 Ulama Dunia berkumpul di Putrajaya baru-baru ini, telah bersepakat memfatwakan bahawa "**HARAM untuk kita semua bersekongkol dengan Israel dan rakan-rakan sekutunya**". Pembunuhan ini juga jelas menunjukkan bahawa ejen dan organisasi yang bersekongkol dengan Israel sedang bermaharajalela di negara yang kita kasihi ini.
3. MyAQSA ingin menyeru supaya kita semua lebih peka dengan kehadiran dan perancangan jahat ejen-ejen tersebut. Kajian kita menunjukkan bahawa mereka mahu "**menyahudikan**" Malaysia melalui organisasi yang bersekongkol dengan zionis ini.
4. Sehubungan dengan itu, MyAQSA ingin menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia untuk berhati-hati dalam memilih kepimpinan negara apatah lagi kini kita sedang menghadapi Pilihanraya Umum ke-14. Rakyat Malaysia hendaklah memastikan kepimpinan yang dipilih benar-benar boleh membantu Islam dan pembinaan ummah sebagaimana fatwa Sheikh Dr Ekrimah Saeed Sabri, Imam Besar dan Khatib Masjid Al Aqsa, "**Pilihlah Pemimpin yang bersama dengan perjuangan Palestin... Haram bersekongkol dengan mereka yang bersama dengan Israel...**"
5. Tatkala itu, janganlah kita menjadi buta dan terpengaruh dengan isu-isu semasa yang sentiasa mereka sensasikan namun berpeganglah dengan prinsip perjuangan untuk mempertahankan Islam. Telitilah perinsip perjuangan setiap kumpulan dan parti politik, andainya ia mencabar kedaulatan negara dan agama, serta bersama dengan Zionis dan sekutunya, maka kita wajib menolaknya mereka walaupun berwajah Islam.

6. MyAQSA sekali lagi ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar daripada kejadian ini. Marilah kita bersatu dan bersama-sama mempertahankan kedaulatan Malaysia daripada anasir-anasir pencerobohan sekutu zionis yang sentiasa mempersoalkan kedaulatan negara, agama, bangsa dan raja kita.

7. Akhirnya, MyAQSA mengucapkan salam takziah kepada keluarga yang dikasihi As Syahid Dr Fadi al-Batsh rhm. Moga Allah SWT menerima segala amalan Dr Fadi al Batsh rhm dan menjadikan kita pula mukmin yang teguh menepati janji.

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

21 April 2018M / 5 Syaaban 1439H

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA_Official